

Terlalu awal umum pendirian BN tentang PRK, kata Muhyiddin
The Malaysian Insider
Feb 15, 2015

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata masih terlalu awal untuk memutuskan sama ada Barisan Nasional (BN) akan bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kerusi Parlimen Permatang Pauh di Pulau Pinang dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka di Kelantan.

Timbalan perdana menteri berkata walaupun perkara itu ada dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Jumaat lepas, namun ia lebih bersifat umum.

"(Semasa mesyuarat itu) kita ada (mendengar) beberapa pandangan tetapi saya fikir awal sangat untuk kita jelaskan pendirian kita," katanya kepada media selepas menghadiri majlis perjumpaan bersama-sama ketua jabatan dan kepimpinan Umno Langkawi, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan peribadi Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Mustapha Mohamed, semalam supaya BN tidak bertanding kerusi DUN Chempaka dan sebaliknya memberi fokus kepada kerja pemulihan pasca banjir di Kelantan.

Muhyiddin, yang juga timbalan pengerusi BN berkata pada masa ini Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih belum membuat sebarang pengumuman berhubung status kedua-dua kerusi tersebut.

Kerusi DUN Chempaka kosong berikutan kematian mursyidul am PAS dan bekas menteri besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akibat kanser prostat di kediamannya di Kota Baru, Khamis lepas.

Bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh, penyandanginya Datuk Seri Anwar Ibrahim hilang kelayakan sebagai ahli Parlimen apabila tamat tempoh 14 hari dari tarikh beliau disabitkan dan dihukum atas kesalahan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Pada 10 Februari lepas, Mahkamah Persekutuan memutuskan Anwar gagal dalam rayuan terakhir terhadap sabitan itu dan mengekalkan hukuman penjara 5 tahun.

Namun, sekiranya Anwar menfailkan petisyen bagi suatu pengampunan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penghakiman, kehilangan kelayakan berkenaan hanya akan mula berkuat kuasa sebaik petisyen diputuskan sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan (c) Fasal (4) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. – Bernama, 15 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/terlalu-awal-umum-pendirian->

bn-tentang-prk-kata-muhyiddin